

**IMPAK CARA KERJA DALAM TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
DISEBABKAN OLEH PADEMIK COVID 19:  
KAJIAN KES ALUMNI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

**Oleh:**

Mohd Asri Hj Husain, Nurliyana Mohamed Razali,  
Saffa Nasuha Abd Hamid,  
Siti Sofiah Sah Hit, dan Mohammad Syafiq Rosli

## **1.0 PENGENALAN**

Pusat Alumni dan Kerjaya telah menjalankan penyelidikan Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Disebabkan oleh Pandemik COVID 19: Kajian Kes pada Alumni Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai salah satu usaha untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan Alumni USIM. Objektif kajian ini adalah bagi melihat secara umum mengenai Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di kalangan Alumni USIM dalam menjalankan tugas dari rumah kesan dari pandemik COVID 19. Pada masa yang sama cuba melihat impak kepada cara kerja Alumni dalam Sektor Kerajaan berbanding dengan sektor Swasta dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. Selain itu bagi melihat saluran komunikasi yang digunakan oleh Alumni dalam menjalankan tugas dari rumah semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan PKP ini.

Kajian ini diharapkan dapat membantu Pusat Alumni dan Kerjaya mendapatkan data pemahaman Alumni mengenai pandemik COVID 19 dan juga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada masa yang sama dapat membantu untuk menyusun strategi baru bagi menyediakan pelan cara kerjaya untuk Alumni bertugas dari rumah dengan lebih efektif lagi bagi sektor Kerajaan atau sektor Swasta. Selain itu dapat membantu Pusat Alumni dan Kerjaya dalam menyediakan pakej kesejahteraan untuk membantu Alumni yang terjejas dengan pandemik COVID 19. Skop kajian ini melibatkan Alumni USIM yang berkerja di sektor Kerajaan dan Swasta sahaja. Bagi yang bekerja sendiri tidak terlibat dalam kajian ini. Teknik yang digunakan bagi mengumpulkan data untuk kajian ini ialah melalui analisis dokumen dan juga analisa borang kaji selidik. Bagi pengedaran borang kaji selidik, pengkaji akan mengedarkan borang kaji selidik kepada Alumni USIM.

## 2.0 Dapatan Hasil Kajian

### 2.1 Demografi Responden

Seramai 807 alumni USIM telah memberikan maklumbalas dalam kaji selidik yang dibuat dari bulan April hingga Mei 2020. Agihan responden daripada segi demografi ialah seperti berikut:

Jadual 1.0: Info Jantina, Umur dan Status Responden

Perkara	Frekuensi	%
Jantina		
Lelaki	279	34.57
Perempuan	528	65.43
Jumlah	807	100.00
Umur		
24-30	255	31.60
25-30	364	45.11
31-35	107	13.26
36-40	63	7.81
40 ke atas	18	2.23
Jumlah	807	100.00
Status		
Berkahwin	287	35.56
Bujang	512	63.44
Lain-lain	8	0.99
Jumlah	807	100.00

Seramai 279 responden (34.57%) terdiri daripada lelaki dan 528 (65.43%) terdiri daripada responden perempuan. Sebanyak 45.11% (364) responden berumur di antara 25-30 tahun. Diikuti oleh responden yang berumur 24-30 tahun iaitu sebanyak 31.60% (255); umur 31-35 tahun sebanyak 13.26% (107); umur 36-40 tahun sebanyak 7.81% (63); dan yang paling sedikit adalah berumur 40 tahun ke atas iaitu 2.23% (18). Manakala daripada segi status perkahwinan pula seramai 512 (63.44%) orang responden masih bujang; 287 (35.56%) telah berkahwin; dan lain-lain status sebanyak 8 (0.99%).

Jadual 2.0: Info Pekerjaan, Tahun Perkhidmatan dan Lokaliti Tempat Kerja

Perkara	Frekuensi	%
Pekerjaan		
Kerajaan	348	43.12
Swasta	459	56.88
Jumlah	807	100.00
Tahun Berkhidmat		
Kurang 5 tahun	637	78.93
6-10 tahun	98	12.14
15 tahun ke atas	9	1.12
11-15 tahun	63	7.81
Jumlah	807	100.00
Lokaliti Tempat Kerja		
Ibu Negeri	118	14.62
Bandar	482	59.73
Luar Bandar	207	25.65
Jumlah	807	100.00

Seramai 348 (43.12%) responden bekerja dengan sektor Kerajaan dan 459 (56.88) bekerja dalam sektor swasta. Manakala jika melihat tahun berkhidmat pula seramai 78.93% (637) berkhidmat kurang dari 5 tahun; 12.14% (98) berkhidmat dalam tempoh 6-10 tahun; 11-15 tahun seramai 7.81% (63); dan 15 tahun ke atas sebanyak 1.12% (9). Daripada segi lokaliti pula, seramai 482 (59.73%) orang responden tinggal di kawasan bandar; 207 (25.65%) luar bandar; dan responden yang tinggal di bandar seramai 118 (14.62%).

Jadual 3.0: Info Pendapatan, Perbelanjaan Makan Sebulan dan Tanggungan Keluarga


Perkara	Frekuensi	%
Pendapatan		
Bawah RM2,000 sebulan	402	49.81
RM2,001 - RM3,000	155	19.21
RM3,001- RM4,000	83	10.29
RM4,000 ke atas	167	20.69
Jumlah	807	100.00
Perbelanjaan Makanan Sebulan		
RM1,000 ke bawah	608	75.34
RM1,001 – RM2,000	167	20.69
RM2,001 – RM3,000	21	2.60
RM3,000 ke atas	11	1.36
Jumlah	807	100.00
Tanggungan Keluarga		

1 orang	332	41.14
2-4 orang	349	43.25
5 orang ke atas	126	15.61
Jumlah	807	100.00

Manakala berkaitan info pendapatan pula, responden yang mempunyai pendapatan bawah RM2,00 sebulan adalah seramai 402 (49.81) orang. 155 (19.21%) orang pula berpendapatan di antara RM2,001 hingga RM3,000.00; 83 (10.29%) orang responden pula berpendapatan di antara RM3,001 hingga RM4,000; dan RM4,000 ke atas seramai 167 (20.69) orang responden. Kajian juga mendapati bahawa 75.34% (608) responden membelanjakan sebanyak RM1,000 ke bawah sebulan untuk makanan. 20.69% (167) berbelanja untuk makanan sebanyak RM1,001 hingga RM2,000.00. Hanya 2.60% (21) berbelanja untuk makanan sebanyak RM2,001 hingga RM3,000.00; dan 1.36% (11) berbelanja sebanyak RM3,000.00 sebulan untuk makanan. Manakala daripada segi tanggungan keluarga pula, sebanyak 41.14% (332) responden mempunyai 1 orang tanggungan; 43.25% (349) pula mempunyai 2 hingga 4 orang tanggungan' dan 15.61% (126) mempunyai 5 orang ke atas tanggungan.


### 3.0 Analisa Kajian

Rajah 1.0: Kesan Pandemik COVID-19 Kepada Responden dan Tempat Bekerja:



Kajian mendapati seperti dalam Rajah 1.0 sebanyak 41.02% (331) bersetuju pandemik COVID-19 memberikan kesan kepada responden secara keseluruhannya. Manakala 38.17% (308) sangat bersetuju; 19.33% (156) menyatakan sederhana; 0.99% (8) tidak bersetuju; dan 0.50% (4) sangat tidak bersetuju.

Rajah 2.0: Kesan Pandemik COVID-19 Kepada Majikan Responden



Jadual 2.0 melihat seramai 456 orang responden (56.51%) sangat bersetuju pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada tempat kerja mereka berbanding dengan hanya 13 orang responden (1.61%) yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju hanya 7 responden (0.87%). Manakala yang bersetuju pula seramai 236 orang (29.24%) dan sederhana hanya 95 orang responden (11.77%).


### 3.2 Senario Kerja semasa PKP

Jadual 4.0: Bekerja Dari Rumah adalah Perkara Baru Responden

Perkara	Frekuensi	%
Sangat Bersetuju	247	30.61
Bersetuju	242	29.99
Tidak Bersetuju	76	9.42
Sangat Tidak Bersetuju	49	6.07
Neutral	193	23.92
Jumlah	807	100.00

Jadual 4.0 mendapati bahawa seramai 247 responden (30.61%) sangat bersetuju bekerja dari rumah adalah perkara baru sepanjang kerjaya mereka. Responden yang bersetuju pula seramai 242 orang (29.99%). Manakala yang sangat tidak bersetuju hanya 49 orang (6.07%) dan tidak bersetuju seramai 76 orang (9.42%). Responden yang bersikap neutral pula seramai 193 orang (23.92%).


Rajah 3.0: Maklumbalas Responden Kesukaran Bekerja Dari Rumah Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)



Data dari Rajah 3.0 mendapati bahawa, seramai 301 (37.30%) responden menyatakan bahawa mereka berkecuali bagi pilihan mengenai kesukaran bekerja dari rumah disebabkan oleh pandemik COVID-19. Responden yang tidak bersetuju pula seramai 223 orang (27.63%) dan sangat tidak bersetuju pula seramai 121 orang (14.99%) jika dibandingkan dengan responden yang sangat bersetuju iaitu sebanyak 54 orang (6.69%) dan bersetuju seramai 108 orang (13.38%).

Rajah 4.0 mendapati sebanyak 287 responden (35.56%) menyatakan sangat bersetuju bahawa majikan mereka telah menyediakan Pelan Bekerja dari Rumah (WFH) kepada kakitangan mereka dan reponden yang bersetuju iaitu sebanyak 299 orang (37.05%) berbanding responden yang sangat tidak bersetuju sebanyak 32 orang (3.97%) dan tidak bersetuju sebanyak 58 orang (7.19%). Manakala responden yang memberikan maklumbalas berkecuali ada;ah sebanyak 131 orang (16.23%).


Rajah 4.0: Organisasi Menyediakan Pelan 'Bekerja Dari Rumah' Kepada Kakitangan Yang Terlibat Dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)




### 3.3 Saluran Komunikasi semasa PKP

Kajian ini mendapati saluran komunikasi yang paling tinggi seperti dalam Rajah 5.0 digunakan oleh responden semasa timbulnya pandemik COVID-19 dan PKP ialah Whatsapp sebanyak 66.54% (537); diikuti oleh telefon bimbit 13.75% (111); Telegram 8.18%; dan Emel 6.82% (55). Saluran komunikasi yang paling tidak popular ialah Instagram 1.24% (10) dan Facebook 3.47% (28).

Rajah 5.0: Platform Saluran Komunikasi Yang Sering Anda Gunakan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dengan Pihak Organisasi



Rajah 6.0: Organisasi Menggunakan Saluran Komunikasi Yang Betul Untuk Berhubung Dengan Pekerja Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Ini




Responden dalam kajian ini seperti dalam Rajah 6.0 juga telah memberikan maklumbalas mengenai pandangan mereka mengenai majikan sama ada telah menyediakan saluran komunikasi yang betul semasa PKP. Daripada 807 responden yang memberikan maklumbalas, seramai 363 (44.98%) sangat bersetuju dengan perkara ini. Manakala yang bersetuju seramai 349 orang (43.25%); Sederhana hanya 71 orang (8.80%); tidak bersetuju 14 orang (1.73%); dan sangat tidak bersetuju (1.24%).

### 3.4 Kesan COVID-19 dalam Pengurusan Rumahtangga dan Sosial

Kajian ini juga mendapati seperti dalam Rajah 7.0, Alumni yang memberikan maklumbalas menyatakan bahawa PKP telah menyebabkan mereka tidak dapat bekerja dan menjejaskan pendapatan. Seramai 198 (24.54%) responden menyatakan tidak bersetuju dan 189 orang responden (23.42%) sangat tidak bersetuju. Manakala responden yang sangat bersetuju sebanyak 109 orang (13.51%); bersetuju sebanyak 113 orang (14.0%); dan sederhana sebanyak 198 orang (24.54%).



Rajah 7.0 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Menyebabkan Responden Tidak Dapat Berkerja Dan Menjejaskan Pendapatan



Jadual 5.0: Corak Perbelanjaan, Peruntukan perbelanjaan Makanan dan Kesan kepada Aktiviti Sosial Responden


Perkara	Frekuensi	%
<b>Corak Perbelanjaan</b>		
Neutral	315	39.03
Sangat Bersetuju	120	14.87
Bersetuju	225	27.88
Sangat Tidak Bersetuju	47	5.82
Tidak Bersetuju	100	12.39
Jumlah	807	100.00
<b>Tambahan Bajet Makanan</b>		
Sangat Bersetuju	355	43.99
Bersetuju	336	41.64
Neutral	96	11.90
Sangat Tidak Bersetuju	8	0.99
Tidak Bersetuju	12	1.49
Jumlah	807	100.00
<b>Jejas Aktiviti Sosial</b>		
Sangat Bersetuju	222	27.51
Bersetuju	302	37.42
Neutral	191	23.67
Sangat Tidak Bersetuju	31	3.84
Tidak Bersetuju	61	7.56
Jumlah	807	100.00

Kajian ini juga melihat mengenai corak perbelanjaan, tambahan bajet makanan dan kesan kepada aktiviti sosial responden. Data maklumbalas mendapati 39.03% (315) menyatakan perbelanjaan rumahtangga mereka tidak berubah semasa PKP berbanding dengan yang menyatakan perbelanjaan mereka bertambah iaitu yang sangat bersetuju berjumlah 14.87% (120) dan bersetuju sebanyak 27.88% (225). Manakala yang sangat tidak bersetuju sebanyak 5.82% (47) dan tidak bersetuju sebanyak 12.39% (100).

Dalam kajian ini juga, responden menyatakan bahawa tambahan perbelanjaan untuk makanan telah meningkat semasa PKP iaitu yang sangat bersetuju seramai 355 orang (43.99%) dan responden yang bersetuju seramai 336 orang (41.64%). Jika dibandingkan dengan responden yang sangat tidak bersetuju hanya 8 orang (0.99%) dan tidak bersetuju hanya 12 orang (1.49%). Manakala responden yang memilih Neutral pula seramai 96 orang (11.90%).

Kajian ini mendapati bahawa pandemik COVID-19 telah menjejaskan aktiviti sosial Alumni seperti bersukan dan rekreasi. Seramai 302 responden (37.42%) bersetuju dan 222 responden (27.51%) sangat bersetuju jika dibandingkan hanya 61 orang (7.56%) tidak bersetuju dan yang sangat tidak bersetuju sebanyak 31 orang (3.84%). Manakala responden yang memilih Neutral pula sebanyak 191 orang (23.67%).

Rajah 8.0: Maklumbalas Responden Mengenai Peluang Masa Depan Selepas Berakhirnya Pandemik COVID 19 Ini



Sesuatu yang menarik dalam kajian ini ialah apabila responden telah memberikan sudut pandangan yang positif apabila ditanyakan tentang soalan berkaitan dengan peluang masa depan selepas berakhirnya pandemik COVID-19 ini. Seramai 188 orang (23.30%) responden sangat bersetuju dan 305 bersetuju (37.79%) berbanding 22 orang responden (2.73%) yang sangat tidak bersetuju dan 40 orang (4.96%) tidak bersetuju. Manakala 252 responden pula (31.23%) memilih berkecuali.

#### **4.0 PERBINCANGAN**

Kaji selidik ini telah dapat melihat fakta ringkas mengenai maklumbalas alumni USIM seramai 807 orang berkaitan dengan impak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan. Kajian awal dan ringkas ini sedikit sebanyak telah dapat mengumpul beberapa penemuan awal yang boleh digunakan untuk kajian lebih lanjut pada masa akan datang terutamanya isu berkaitan dengan impak COVID-19 adalah sesuatu yang baru bukan hanya dialami oleh alumni USIM tetapi juga oleh semua pihak. Maka dengan sebab itulah, responden yang sangat bersetuju dan bersetuju memberikan jawapan sebanyak 60.60% bagi perkara ini. Penemuan penting dalam kajian awal ini dapat diringkaskan seperti berikut:

##### **4.1 Demografi Responden**

Kaji selidik ini mendapati bahawa responden perempuan mendominasi alumni yang memberikan maklumbalas iaitu sebanyak 65.43%(528) dan alumni yang berumur 25 hingga 30 merupakan kelompok yang tertinggi sebagai responden iaitu sebanyak 364 (45.11%) dan terendah berumur lebih dari 40 tahun iaitu sebanyak 18 orang (2.23%). Manakala daripada segi status sosial pula, majoriti responden terdiri daripada alumni yang bujang iaitu sebanyak 512 (63.44%); Seramai 348 (43.12%) responden bekerja dengan sektor Kerajaan berbanding 459 (56.88) bekerja dalam sektor swasta. Manakala jika melihat tahun berkhidmat pula seramai 78.93% (637) berkhidmat kurang dari 5 tahun dan berkhidmat lebih dari 15 tahun ke atas hanya sebanyak 1.12% (9). Ini adalah kerana, USIM adalah Universiti baru yang berusia 20 tahun dan kebanyakan alumni masih lagi muda.

#### 4.2 Senario Kerja Semasa PKP

Kajian ini juga mendapati sebanyak 79.19 (639) bersetuju pandemik COVID-19 memberikan kesan kepada responden secara keseluruhannya berbanding dengan kesan kepada organisasi tempat mereka bekerja sebanyak 85.75% (692). Ini menunjukkan responden memberikan impak kepada organisasi lebih memberi kesan jika dibandingkan dengan kesan kepada responden sendiri. Ini disebabkan responden kebanyakannya bekerja dengan pihak swasta.

Responden telah memberikan maklumbalas bahawa bekerja dari rumah adalah perkara baru bagi mereka iaitu sebanyak 60.66% (489). Data kaji selidik juga mendapati responden menyatakan neutral seramai 301 (37.30%) bagi isu kesukaran bekerja dari rumah berbanding responden yang responden yang tidak bersetuju 223 orang (27.63%) dan sangat tidak bersetuju pula seramai 121 orang (14.99%). Ini menunjukkan responden tidak menjadikan masalah untuk bekerja dari rumah semasa PKP dilaksanakan. Ini disokong oleh responden yang bersetuju bahawa majikan telah menyediakan Pelan Bekerja dari Rumah iaitu sebanyak 72.61% (586).

#### 4.3 Saluran Komunikasi Semasa PKP

Kajian ini mendapati saluran komunikasi yang paling tinggi digunakan oleh responden semasa timbulnya pandemik COVID-19 dan PKP ialah Whatsapp sebanyak 66.54% (537) saluran komunikasi yang paling tidak popular ialah Instagram 1.24% (10) dan Facebook 3.47% (28). Responden dalam kajian ini ini juga telah memberikan maklumbalas mengenai pandangan mereka mengenai majikan sama ada telah menyediakan saluran komunikasi yang betul semasa PKP. Daripada 807 responden yang memberikan maklumbalas, seramai 363 (44.98%) sangat bersetuju dan yang bersetuju seramai 349 orang (43.25%) berbanding yang tidak bersetuju hanya 14 orang (1.73%); dan sangat tidak bersetuju (1.24%). Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tanggapan yang positif kepada majikan mereka dalam menyediakan saluran yang paling efektif untuk berkomunikasi dengan staf mereka.

#### 4.4 Pengurusan Rumahtangga dan Aktiviti Sosial

Kajian ini juga mendapati, alumni menyatakan PKP tidak h menyebabkan mereka tidak dapat bekerja dan menjejaskan pendapatan. Seramai 198 (24.54%) responden menyatakan tidak bersetuju dan 189 orang responden (23.42%) sangat tidak bersetuju Berbanding responden yang sangat bersetuju sebanyak 109 orang (13.51%); bersetuju sebanyak 113 orang (14.0%); dan sederhana sebanyak 198 orang (24.54%).

Responden menyatakan COVID-19 dan PKP telah mengubah corak perbelanjaan, tambahan bajet makanan dan kesan kepada aktiviti sosial responden. Data maklumbalas mendapati 39.03% (315) menyatakan perbelanjaan rumahtangga mereka tidak berubah atau memberikan jawapan neutral jika dibandingkan dengan responden menyatakan perbelanjaan bertambah hanya 14.87% (120) dan bersetuju sebanyak 27.88% (225). Sebaliknya responden menyatakan bahawa tambahan perbelanjaan untuk makanan telah meningkat semasa PKP iaitu yang sangat bersetuju seramai 355 orang (43.99%) dan responden yang bersetuju seramai 336 orang (41.64%).

Kajian ini mendapati bahawa pandemik COVID-19 telah menjejaskan aktiviti sosial Alumni seperti bersukan dan rekreasi. Seramai 302 responden (37.42%) bersetuju dan 222 responden (27.51%) sangat bersetuju jika dibandingkan hanya 61 orang (7.56%) tidak bersetuju dan yang sangat tidak bersetuju sebanyak 31 orang (3.84%). Manakala responden yang memilih Neutral pula sebanyak 191 orang (23.67%).

#### 4.5 Peluang Masa Depan

Seramai 188 orang (23.30%) responden sangat bersetuju dan 305 bersetuju (37.79%) berbanding 22 orang responden (2.73%) yang sangat tidak bersetuju dan 40 orang (4.96%) tidak bersetuju. Manakala 252 responden pula (31.23%) memilih berkecuali dengan memberikan pandangan yang positif apabila ditanyakan tentang soalan berkaitan dengan peluang masa depan selepas berakhirnya pandemik COVID-19 ini.

## **5.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN**

Kajian ini penting bagi melihat impak COVID-19 dan PKP kepada alumni USIM. Walaupun alumni USIM hanya seramai 22,634 orang dalam tempoh 20 tahun USIM ditubuhkan, namun kesediaan seramai 807 alumni mengisi kaji selidik ini amatlah dihargai. Data daripada kaji selidik ini dapat digunakan bagi membantu alumni yang terjejas dengan COVID-19 sama ada sebagai kakitangan syarikat yang terpaksa diberhentikan atau pun Usahawan Alumni yang tidak dapat menjalankan bisnes pada masa ini.

Justeru, adalah perlu agar data-data daripada kaji selidik ini digunakan untuk Pusat Alumni dan Kerjaya melihat ruang dan peluang bagi membuat penambahbaikan alumni terutamanya berkaitan kebajikan. Aspek kebajikan ini penting untuk membolehkan alumni mempunyai tanggapan yang positif kepada kecaknaan pihak Universiti terhadap alumni. Pengumpulan pangkalan data alumni akan dapat diperkemaskan lagi apabila lebih ramai alumni yang dapat berinteraksi dengan pihak Universiti. Pada masa yang sama, penglibatan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di USIM amat perlu bagi membantu mewujudkan kerjasama di antara Universiti bersama alumni.

Kajian bagi mengukur impak cara kerja Alumni dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan oleh pandemik COVID-19 menarik untuk dikaji bagi membolehkan Pusat Alumni dan Kerjaya menyediakan bantuan pakej kesejahteraan yang bersesuaian kepada Alumni pada masa akan datang. Pusat Alumni dan Kerjaya berharap kaji selidik ini akan dapat diperluaskan dengan penyertaan lebih ramai lagi pihak alumni.

## **14.0 PENUTUP**

COVID-19 dan PKP telah mengubah pelbagai corak dan gaya hidup masyarakat kerana ia mempengaruhi ekonomi dan sosial seluruh dunia. Impak kaji selidik kepada alumni USIM ini diharapkan dapat membantu memberikan beberapa cadangan alternatif kepada alumni meningkatkan kebajikan mereka.

